



WATIKAH: Dr Shahril (kiri) menyampaikan watikah pelantikan kepada Abdul Somad, sambil disaksikan Mohd Arifin (dua kiri) dan Dr Mohd Dahlan (kanan).

Dr. Abdul Somad dilantik Profesor Adjung FIS-UMS

Beliau bukan sahaja merupakan cendekiawan ulung, tetapi juga seorang pemikir berdedikasi, kata Shahril

UB 30.01.2024 P.04

LABUAN: Pendakwah terkenal, Ustaz Dr. Abdul Somad Batubara dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Pengajian Islam (FIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau menerima watikah pelantikan daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Shahril Yusof di Bilik Eureka UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Ahad lalu.

Turut hadir menyaksikan penyerahan berkenaan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Mohd Arifin Mohd. Arif. Pengarah UMSKAL, Profesor Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid dan Dekan FIS, Prof. Dr. Mohd Dahlan A. Malek.

Terdahulu, Shahril dalam ucapannya berkata, pelantikan

Abdul Somad merupakan satu pengiktirafan atas pencapaian cemerlang serta sumbangan yang tidak ternilai yang diberikan oleh beliau dalam bidang Pengajian Islam dalam dan luar negara.

“Abdul Somad bukan sahaja merupakan seorang cendekiawan ulung, tetapi juga seorang pemikir berdedikasi kepada kemajuan ilmu pengetahuan dan pendidikan di seantero dunia baik melalui media sosial maupun ceramah secara bersemuka.

“Oleh itu, pelantikannya sebagai Profesor Adjung bukan sekadar satu penghormatan peribadi tetapi juga sebagai pengiktirafan terhadap kecermerlangan akademik yang beliau capai,” katanya.

Dr Shahril yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kasim Mansor ber-

harap Dr Abdul Somad dapat membantu UMS dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan penyelidikan di Fakulti Pengajian Islam.

“Semoga ia dapat membuka peluang kerjasama penyelidikan dengan institusi dan cendekiawan dari luar negera,” katanya.

Sementara itu, Datuk Mohd Arifin berkata kerajaan negeri dan juga UMS amat berbesar hati atas penerimaan Abdul Somad sebagai Profesor Adjung Fakulti Pengajian Islam UMS.

“Ini satu penghormatan bagi negeri Sabah dan negara. Semoga pelantikan Abdul Somad memberi inspirasi kepada semua warga universiti khususnya pelajar untuk terus berusaha mencapai kecermerlangan dalam pendidikan dan dakwah,” katanya.